



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KELULUSAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN TUGAS RONDAAN DI ZON HIJAU OLEH SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

---

Putrajaya, 6 Jun 2020 - Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang diadakan pagi tadi telah meluluskan Garis Panduan yang dibentangkan oleh Kementerian Perpaduan Negara Mengenai Pelaksanaan Tugas Rondaan Di Zon Hijau oleh Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Mesyuarat juga bersetuju supaya tarikh operasi SRS ini **bermula pada 20 Jun 2020**.

2. Keputusan ini merupakan susulan kepada keputusan Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP sebelum ini pada 23 Mei 2020 supaya Rukun Tetangga (RT) dibenarkan mengadakan rondaan SRS **berskala kecil** di kawasan mereka semasa tempoh PKPB dan mematuhi protokol kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

3. Kementerian telah mengenal pasti sebanyak **1,079 SRS dalam Zon Hijau** dengan jumlah peronda **seramai 68,410** orang yang boleh dibenarkan bertugas dalam sepanjang tempoh PKPB seperti berikut:

BIL.	NEGERI	SRS	JUMLAH ANGGOTA PERONDA
1	<a href="#">JOHOR</a>	141	9230
2	<a href="#">SARAWAK</a>	127	8640
3	<a href="#">KELANTAN</a>	110	7975
4	<a href="#">PAHANG</a>	103	6170
5	<a href="#">TERENGGANU</a>	98	5980
6	<a href="#">SELANGOR</a>	82	5340
7	<a href="#">PERAK</a>	76	4820
8	<a href="#">KEDAH</a>	68	4560
9	<a href="#">N. SEMBILAN</a>	65	4000
10	<a href="#">SABAH</a>	55	3395
11	<a href="#">MELAKA</a>	48	2050
12	<a href="#">P.PINANG</a>	44	2880
13	<a href="#">WP KUALA LUMPUR</a>	37	1930
14	<a href="#">PERLIS</a>	19	1180
15	<a href="#">WP PUTRAJAYA</a>	5	200
16	<a href="#">WP LABUAN</a>	1	60
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,079</b>	<b>68,410</b>



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

4. YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique dijadualkan membuat penyerahan peralatan rondaan SRS Perpaduan Negara kepada wakil-wakil SRS yang terlibat pada 17 Jun 2020.
5. SRS adalah pasukan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 16(3), Akta Rukun Tetangga 2012 yang bertanggungjawab menjalankan rondaan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) untuk menjaga keselamatan komuniti. KRT memainkan peranan penting dalam memperkasakan masyarakat setempat (*community empowerment*) bagi memastikan Zon Hijau terus kekal Hijau dan selamat dari penularan wabak COVID-19.
6. Sehingga kini, terdapat sebanyak 8,274 KRT di seluruh Negara. Daripada jumlah tersebut, 5,302 SRS telah ditubuhkan.

**Kementerian Perpaduan Negara**

6 Jun 2020

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8241

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (5)